

**PERATURAN PERTANDINGAN BADMINTON (LELAKI/WANITA)
KARNIVAL KOKURIKULUM MATRIKULASI (KAKOM) 2017
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1.0 NAMA PERTANDINGAN

1.1 Pertandingan Badminton KAKOM 2017

2.0 UNDANG - UNDANG

2.1 Selain daripada undang-undang yang terkandung, pertandingan akan dijalankan mengikut **undang-undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (BWF)**.

3.0 TARIKH PERTANDINGAN

3.1 26 hingga 28 Ogos 2017 (Sila rujuk jadual pertandingan)

4.0 TEMPAT PERTANDINGAN

4.1 Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan.

4.2 Kolej Matrikulasi Perak.

5.0 PENYERTAAN

5.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kolej MARA yang mengendalikan Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia.

5.2 Setiap kolej hanya boleh mendaftarkan pemain seperti di bawah:

	LELAKI	WANITA
Pengurus /Jurulatih	1 orang	1 orang
Pemain- Perseorangan	1 orang	1 orang
- Beregu	<u>2 orang</u>	<u>2 orang</u>
Jumlah	<u>4 orang</u>	<u>4 orang</u>

6.0 KELAYAKAN PESERTA

6.1 Setiap peserta pertandingan masing-masing hanya dibenarkan menyertai satu (1) acara sahaja. Sama ada satu (1) acara perseorangan atau satu (1) acara beregu.

6.2 Sila rujuk Perkara 5.0 Peraturan Am.

7.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

7.1 25 Ogos 2017 (Sila rujuk jadual pertandingan)

8.0 SISTEM PERTANDINGAN

8.1 Pertandingan pusingan awal akan dijalankan secara liga satu pusingan dalam dua (2) kumpulan iaitu kumpulan A dan B.

8.2 Pasukan Johan dan Naib Johan kumpulan A dan B layak ke peringkat separuh akhir.

8.3 Johan kumpulan A akan bertemu Naib Johan kumpulan B, manakala Naib Johan kumpulan A akan bertemu Johan kumpulan B

8.4 Peringkat separuh akhir akan dijalankan secara kalah mati.

8.5 Pasukan yang menang di peringkat separuh akhir akan bertanding untuk menentukan Johan dan Naib Johan.

8.6 Kedua-dua pasukan yang kalah di peringkat separuh akhir tidak akan bertanding dan diberikan kedudukan tempat ke-3 bersama.

8.7 Sistem pemberian mata bagi pasukan bertanding secara liga adalah seperti berikut :

Menang : 3 mata

Kalah : 0 mata

8.8 Jika dua (2) pasukan mendapat jumlah mata yang sama maka pemenang akan ditentukan dengan cara :

pemain yang pernah mengalahkan lawannya dikira pemenang.

8.9 Jika tiga (3) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama maka pemenang akan ditentukan seperti berikut :

8.9.1 Pemenang akan ditentukan dengan kiraan perbezaan set (Jumlah set yang menang tolak dengan jumlah set yang kalah).

8.9.2 Jika masih seri, pemain yang mendapat perbezaan mata terbanyak dikira menang.

8.9.3 Jika masih seri, pemenang akan ditentukan melalui cabutan undian.

9.0 KELEWATAN

9.1 Lima (5) minit akan diberikan kepada pemain-pemain sebagai tempoh masa menunggu daripada masa dijadualkan. Dengan itu pemain yang tidak hadir dianggap menarik diri dan Peraturan 18.0 (menarik diri) akan diguna pakai.

9.2 Semua pemain hendaklah berada dan bersedia untuk bermain di tempat perlawanan lima belas (15) minit sebelum pertandingan dijalankan.

10.0 SET PERLAWANAN (GAME) DAN MATA PERLAWANAN

- 10.1 Semua perlawanan diputuskan dengan dua (2) kemenangan daripada tiga (3) set perlawanan (game) (*Best of three*).
- 10.2 Pemenang adalah pemain yang mendapat dua puluh satu (21) mata terlebih dahulu.
- 10.3 Jika berlaku kedudukan 20 sama, permainan akan dilanjutkan. Jika kedudukan ini berlaku, maka pemenang adalah pemain yang mendapat kelebihan dua (2) mata terlebih dahulu. Sekiranya mata dua puluh sembilan (29) sama, maka pemain yang mendapat mata tiga puluh (30) terlebih dahulu akan dikira sebagai pemenang.
- 10.4 Setiap pertukaran set perlawanan(game) akan diberi masa rehat selama dua (2) minit.
- 10.5 Set perlawanan (game) penentuan, di kedudukan sebelas (11) mata, pemain akan bertukar gelanggang dan diberi masa rehat selama satu (1) minit.

11.0 PAKAIAN PESERTA DAN PERALATAN.

- 11.1 Pemain acara beregu hendaklah memakai pakaian yang seragam.
- 11.2 Pihak pengelola berharap semua pemain dapat menutup aurat.
- 11.3 Setiap pasukan dikehendaki menyediakan tiga (3) biji bulu tangkis (*shuttlecock*) bagi setiap perlawanan. Jenama 'shuttlecock' yang ditetapkan oleh Jawatankuasa teknik dan Pertandingan adalah **RSL Gold No. 1 Tourney(speed 77)**. Penggunaan/pertukaran bulu tangkis (*shuttlecock*) adalah atas persetujuan pengadil. Pihak pengelola tidak akan menyediakan bulu tangkis (*shuttlecock*).

12.0 MENARIK DIRI

- 12.1 Sila rujuk Perkara 18.0 Peraturan Am

13.0 PENANGGUHAN.

- 13.1 Sekiranya keadaan gelanggang tidak memuaskan atau bekalan elektrik terputus semasa perlawanan berlangsung, referi dengan persetujuan Pengerusi Teknik acara tersebut berhak menangguhkan perlawanan.
- 13.2 Sekiranya perlawanan ditangguhkan, maka perlawanan akan disambung mengikut baki yang tinggal.

14.0 PEGAWAI TEKNIKAL

- 14.1 Pertandingan akan diadili oleh pengadil yang bertauliah.
- 14.2 Keputusan referi adalah muktamad.

15.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

15.1 Sila rujuk Perkara 12.0 Peraturan Am

16.0 TINDAKAN TATATERTIB (DISIPLIN/TINDAKAN HUKUMAN)

16.1 Setiap kesalahan tatatertib, pemain dan pegawai akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib.

17.0 JURI RAYUAN

17.1 Sila rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am

18.0 JAWATANKUASA TATATERTIB (DISIPLIN/TINDAKAN HUKUMAN)

18.1 Sila rujuk Perkara 10.0 Peraturan Am

19.0 KEHILANGAN BARANG-BARANG DAN KEMALANGAN.

19.1 Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am

20.0 PENGUNDIAN

20.1 Sila rujuk Perkara 19.0 Peraturan Am

21.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

21.1 Sila rujuk Perkara 20.1 Peraturan Am

22.0 HADIAH (LELAKI - PERSEORANGAN)

22.1 Emas (1 Pemain, 1 Pengurus/Jurulatih)

22.2 Perak (1 Pemain, 1 Pengurus/Jurulatih)

22.3 Gangsa (2 Pemain, 2 Pengurus/Jurulatih)

23.0 HADIAH (LELAKI – BEREGU)

23.1 Emas (2 Pemain, 1 Pengurus/Jurulatih)

23.2 Perak (2 Pemain, 1 Pengurus/Jurulatih)

23.3 Gangsa (4 Pemain, 2 Pengurus/Jurulatih)

24.0 HADIAH (WANITA - PERSEORANGAN)

- 24.1 Emas (1 Pemain, 1 Pengurus/Jurulatih)
- 24.2 Perak (1 Pemain, 1 Pengurus/Jurulatih)
- 24.3 Gangsa (2 Pemain, 2 Pengurus/Jurulatih)

25.0 HADIAH (WANITA – BEREGU)

- 25.1 Emas (2 Pemain, 1 Pengurus/Jurulatih)
- 25.2 Perak (2 Pemain, 1 Pengurus/Jurulatih)
- 25.3 Gangsa (4 Pemain, 2 Pengurus/Jurulatih)

26.0 HAL-HAL LAIN

- 26.1 Sila rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am

